



Skuad hoki negara meraikan jaringan ketika bertemu Oman di Dhaka, semalam.

HOKI PIALA ASIA

Malaysia belasah Oman 7-1

Keputusan aksi terakhir peringkat kumpulan beri motivasi buru kejuaraan

Daripada Jugjet Singh
jugjet@nst.com.my

Dhaka

Malaysia menewaskan Oman 7-1 untuk mengekalkan rekod tanpa kalah dalam aksi Kumpulan A Piala Asia di sini, semalam.

Kemenangan itu adalah yang ke-13 berturut-turut ke atas Oman dan keputusan itu mengatasi rekod kemenangan 6-1 ke atas lawan sama ketika Pusingan Kedua Liga Dunia di gelanggang sama, Mac lalu.

Dengan sembilan mata selepas tiga perlawanan, Malaysia mengungguli Kumpulan A dan kini berada di landasan tepat untuk memburu pingat kejuaraan dalam perlawanan round robin.

Dalam perlawanan yang menyaksikan Malaysia mengam-

JADUAL

18 OKTOBER

MALAYSIA MLN PAKISTAN, 5ptg
INDIA MLN KOREA S, 7.30mlm

19 OKTOBER

KOREA S MLN PAKISTAN, 5ptg
MALAYSIA MLN INDIA, 7.30mlm

21 OKTOBER

MALAYSIA MLN KOREA S, 5ptg
INDIA MLN PAKISTAN, 7.30mlm

GRAFIK BH

bil langkah mengelak kecederaan itu, skuad kebangsaan bagaimanapun mampu membuka tirai jaringan pada minit ke-16 menerusi Faizal Shaari.

Najmi ledak gol ketujuh

Tengku Ahmad Tajuddin meledak gol kedua pada minit ke-18 sebelum Shahril Saabah menambah derita lawan pada minit ke-20 menerusi pukulan sudut penalti.

Dia menambah gol pada minit ke-23 sebelum Faizal meledak jaringan keduanya selang empat minit kemudian dan Amirol Arshad meledak gol keenam pada minit ke-40.

Najmi Jazlan meledak gol ketujuh negara pada minit ke-42 manakala jaringan sagu hati Oman dihasilkan oleh Salmeen Al Nofali pada minit ke-25.